

PENGGUNAAN BAHASA DALAM BUDAYA MASYARAKAT JAWA DI SUNGAI BESAR

Oleh

Sa'adiah Ma'alip

PPBKKM

FSSK, UKM

Pengenalan

Budaya perkahwinan merupakan satu budaya yang unik dalam sesebuah masyarakat. Budaya ini sememangnya diraikan dengan penuh meriah tanpa mengira status atau darjah seseorang. Budaya perkahwinan juga tidak terlepas dilakukan dalam masyarakat Jawa di Sungai Besar, Selangor. Namun demikian, penulisan ini menumpukan aspek penggunaan bahasa Jawa dalam budaya masyarakat Jawa di kawasan ini, khususnya untuk melihat sama ada bahasa Jawa masih dikekalkan penggunaannya atau tidak. Berdasarkan hasil dapatan, didapati bahawa terdapat penggunaan bahasa Jawa dalam kebudayaan masyarakat Jawa di Sungai Besar namun penggunaannya sudah semakin berkurangan.

Sungai Besar menjadi kawasan kajian, yang mana terletak di kawasan paling utara di Selangor. Sungai Besar ini merupakan pekan kecil yang terletak di dalam daerah Sabak Bernam yang juga bersempadan dengan negeri Perak. Daerah Sungai Besar ini terdiri daripada beberapa kawasan yang seperti sawah padi, kebun kelapa, bagan (pelabuhan nelayan), paya bakau dan pekan.

Penduduk di sini adalah masyarakat yang multi-bahasa, multi-budaya dan juga multi-agama yang khususnya terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. ‘Kaum Melayu’ di sini pula terdiri daripada masyarakat Jawa dan Banjar. Masyarakat Jawa dan Banjar suka tinggal secara berkelompok. Kedua-dua masyarakat ini masih menggunakan bahasa ibunda mereka selain bahasa Melayu yang nyata lebih luas penggunaannya.